

**MESYUARAT KEEMPAT TAHUN PERTAMA  
DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS  
PERAK DARUL RIDZUAN**

**HARI PERTAMA  
25 SEPTEMBER 2023 (ISNIN)**

---

**1. YB PUAN THULSI THIVANI A/P MANOGARAN (*BUNTONG*)**

Pelan Perak Sejahtera 2030 merupakan agenda kerajaan negeri bagi meletakkan negeri Perak pada landasan yang betul dan progresif demi kebaikan penduduk negeri Perak. Apakah pencapaian-pencapaian yang telah pun direalisasikan di bawah Pelan Perak Sejahtera 2030 daripada aspek pelaburan dan pertumbuhan ekonomi negeri Perak setakat tahun 2023?

**2. YB ENCIK MOHD HAFEZ BIN SABRI (*MANJOI*)**

MOHD HAFEZ SABRI (Manjoi) mohon Kerajaan Negeri menyatakan langkah-langkah keselamatan serta penyelenggaraan bagi pengguna jalan raya di laluan awam dalam DUN Manjoi.

- a) Apakah langkah kerajaan bagi mengatasi kerosakan jalan yang kerap digunakan oleh kenderaan berat di Kawasan Perindustrian Seramik, Chepor yang boleh membahayakan bagi pengguna kenderaan ringan apabila melalui jalan tersebut?
- b) Apakah langkah kerajaan dalam mempertingkatkan faktor keselamatan bagi laluan singkat jalan raya baru Meru-Klebang-Meru yang dilalui oleh pelbagai jenis kenderaan sama ada berat atau ringan?
- c) Apakah status jalan raya yang tidak mempunyai lampu jalan di jalan utama seperti di laluan utama Taman Bertuah menuju ke Taman Klebang Jaya?

**3. YB ENCIK TIW TEE SIANG (*TRONOH*)**

- a) Sila nyatakan usaha yang telah diambil bagi mempromosikan Tahun Melawat Perak 2024. Apakah projek yang akan dinaiktaraf bagi menarik pelancong ke negeri Perak?
- b) Apakah sebab laluan penerbangan Ipoh-Langkawi ditamatkan?
- c) Apakah laluan penerbangan yang bakal diadakan bagi lapangan terbang Ipoh?

**4. YB ENCIK ONG BOON PIOW (BERCHAM)**

Berkenaan dengan kampung baru Cina dalam negeri Perak.

- i. Sila jelaskan contoh-contoh sumbangan yang nyata telah dihasilkan dari kampung-kampung baru Cina untuk masyarakat termasuk negeri Perak?
- ii. Sila nyatakan potensi yang terdapat kampung-kampung baru Cina?
- iii. Apakah rancangan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri untuk membangunkan kawasan kampung baru Cina?

**5. YB DATO' ABDUL YUNUS BIN JAMAHRI (KUALA KURAU)**

Apakah usaha yang diambil untuk menangani masalah kekurangan kereta ambulans di Daerah Kerian?

**6. YB ENCIK ISHSAM BIN SHAHRUDDIN (AYER KUNING)**

Penambahbaikan bagi program dan bantuan kepada usahawan dalam negeri perak terutamanya di Dun Ayer Kuning khususnya wanita dan ibu tunggal

- i. Apakah usaha-usaha kerajaan bagi membangunkan usahawan wanita?
- ii. Apakah bantuan pantas kerajaan kepada usahawan baru kelahiran perak terutamanya usahawan di tepi jalan?
- iii. Bagaimanakah kerajaan dapat memastikan usahawan-usahawan ini dapat bertahan dengan keadaan ekonomi yang mencabar ketika ini agar bantuan yang telah diberikan kepada mereka tidak disiakan begitu sahaja?

**7. YB CIK WONG CHAI YI (SIMPANG PULAI)**

Perumahan B40

- (a) Apakah usaha kerajaan negeri dalam membantu golongan B40 untuk menyewa atau memiliki perumahan mampu milik?
- (b) Bagaimana kerajaan negeri membantu golongan B40 dalam mendapatkan pinjaman bank untuk memiliki perumahan mampu milik?
- (c) Bagaimana kerajaan negeri dapat membantu golongan B40 supaya proses permohonan Program Perumahan Rakyat (PPR) dipercepatkan dan menyediakan kemudahan PPR yang lengkap dengan harga sewa atau harga jualan yang berpatutan?

**8. YB ROSLI BIN ABD RAHMAN (PASIR PANJANG)**

Apakah status terkini berkaitan cadangan pembinaan sebuah Sekolah Berasrama Penuh (SBP)/ Maktab Rendah Sains MARA (MRSRM) di Daerah Manjung seperti yang diangkat cadangannya pada tahun 2018 yang lalu?

**9. YB ENCIK AHMAD BIN MAN (KUALA SEPETANG)**

Mohon YAB Pengurus Jawatankuasa Agama Islam Kewangan, Keselamatan Tanah Sumber Asli, Perancangan Ekonomi dan GLC mengemukakan status pemilikan tanah Kampung Simpang Halt dan tindakan dari pihak kerajaan negeri bagi membantu penduduk kampung yang diusir?

**10. YB CIK JENNY CHOY TSI JEN (CANNING)**

- i. Apakah proses berkaitan projek 5G di Perak?
- ii. Bilakah pihak MBI akan merobohkan struktur menara telekomunikasi yang dikatakan dibina secara haram?
- iii. Nyatakan bilangan struktur menara telekomunikasi yang dibina secara haram di dalam kawasan DUN Canning?

**11. YB ENCIK AZIZI BIN MOHAMED RIDZUWAN (LUBOK MERBAU)**

Mohon pihak kerajaan negeri menjelaskan apakah jenis projek dan jumlah peruntukan tentang adaptasi dan mitigasi efek Perubahan Iklim yang telah diluluskan di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam Rancangan Malaysia Ke-12?

**12. YB PUAN WONG MAY ING (PANTAI REMIS)**

Pelan Induk Pengangkutan Perak

Setakat manakah kerajaan negeri membangunkan Pelan Induk Pengangkutan Perak untuk menyelesaikan kekurangan kemudahan pengangkutan awam di setiap daerah dan perkhidmatan antara bandar?

**13. YB ENCIK RAHIM BIN ISMAIL (CHANGKAT JERING)**

Pihak atau Agensi manakah yang bertanggungjawab menangani masalah bilangan gelandangan yang semakin bertambah iaitu gelandangan yang tiada tempat tinggal dan gelandangan bermasalah mental?

**14. YB ENCIK JASON NG THIEN YEONG (ASTAKA)**

Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Manjung) 2017 telah pun dilaksanakan sejak tahun 2020 dan pelaksanaan UUK baru ini telah menjadi satu beban kepada peniaga kecil dan sederhana di mana yuran lesen telah pun naik berkali ganda. Apakah inisiatif yang akan dilakukan oleh kerajaan negeri untuk meringankan beban peniaga kecil dan sederhana dalam keadaan ekonomi yang masih pudar di zaman pasca COVID-19 ini?

**15. YB DR. NAJIHATUSALEHAH BINTI AHMAD (BOTA)**

- i. Berapa banyakkah tanah dinegeri Perak yang telah diluluskan untuk penempatan generasi kedua Felcra?
- ii. Berapa ramaikah belia-belia yang telah ditawarkan untuk menduduki penempatan tersebut?
- iii. Apakah jenis bantuan yang diberikan kepada generasi kedua bagi meningkatkan pendapatan mereka?

**16. YB DATO' SHAHRUL ZAMAN BIN YAHYA (RUNGKUP)**

Jambatan Bagan Datuk-Sejagop telah pun siap dibina dan dibuka kepada pengguna. Sehubungan dengan itu, apakah perancangan Kerajaan Negeri khususnya untuk pembangunan dan membangunkan kawasan di sekitar jambatan tersebut?

**17. YB ENCIK SALLEHUDDIN BIN ABDULLAH (SELINSING)**

Masalah pengangguran mahasiswa

- a. Jelaskan secara terperinci kadar pengangguran mahasiswa atau lepasan universiti bagi negeri Perak pada masa ini?
- b. Senaraikan usaha yang diambil oleh kerajaan negeri dalam menyediakan peluang pekerjaan yang sepadan dengan kelulusan mahasiswa ini

**18. YB ENCIK AZMAN BIN NOH (PENGKALAN BAHARU)**

Tahun Melawat Perak 2024 akan tiba tidak lama lagi, adakah perancangan Kerajaan Perak untuk memasukkan Pekan Beruas yang terkenal dengan Kerajaan Gangga Negara sejak sekian lama di dalam salah satu tempat untuk disenaraikan dalam kalender Pelancongan Perak nanti

**19. YB PUAN KOO HAAI YEN (KERANJI)**

Isu Lembu

- a. Nyatakan usaha-usaha pihak kerajaan negeri untuk menangani masalah lembu yang berleluasa dan membawa banyak kemalangan maut di Negeri Perak?
- b. Adakah Pihak kerajaan negeri berhasrat menggubal undang-undang yang lebih ketat dan menguatkuasakannya untuk memastikan lembu-lembu tidak berkeliaran?
- c. Sila nyatakan jumlah kemalangan yang membabitkan lembu atau binatang lain dengan terperinci dengan pecahan kemalangan maut, jumlah mangsa cedera dan jumlah mangsa maut di Negeri Perak pada tahun 2021, 2022 dan 2023?

**20. YB PUAN BAVANI A/P VERAIAH (MALIM NAWAR)**

BEKAS LOMBONG DI DUN MALIM NAWAR

- a. Nyatakan projek nelayan darat yang masih aktif di kawasan bekas lombong di DUN Malim Nawar.
- b. Apakah tindakan yang telah diambil Kerajaan Negeri untuk membantu golongan nelayan darat di DUN Malim Nawar?
- c. Nyatakan sama ada kerajaan mempunyai rancangan untuk membangunkan bekas-bekas lombong ini sebagai destinasi pelancongan terutamanya di DUN Malim Nawar?

**21. YB TUAN SYED LUKMAN HAKIM BIN SYED MOHD ZIN (CHENDEROH)**

Pada Pilihanraya Umum Ke-15 yang lalu, kita dapat menyaksikan suatu penambahan jumlah pengundi yang agak signifikan untuk tiap-tiap bahagian dan kawasan pilihanraya di seluruh negara kesan dari pindaan perlembagaan undi automatik dan had umur minima pengundi. Kawasan pilihanraya di Negeri Perak juga tidak terkecuali dari kesan penambahan jumlah pengundi ini. Adakah pihak Kerajaan Negeri Perak bercadang untuk mengesyorkan suatu kajian persempadan bagi menambahkan jumlah kerusi serta menyusun semula Kawasan pilihanraya di Negeri Perak kepada pihak Suruhanjaya Pilihanraya Negeri Perak?

**22. YB PUAN WONG MAY ING (PANTAI REMIS)**

Meminta menyatakan apakah pencapaian Karnival Kerjaya yang telah dijalankan oleh Pasak sejak tahun 2020?

**23. YB ENCIK ONG SENG GUAN (POKOK ASSAM)**

Projek PPR atau rumah mampu milik amat diperlukan dan harus ditambahkan bilangannya di negeri Perak khususnya di bandar Taiping .Kerajaan Tempatan sedia membantu untuk menjayakan projek tersebut tetapi amat bergantung kepada kesediaan tanah yang sesuai .

- a) Adakah Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah dan Tanah LMS berbincang mengenai usaha ini ?
- b) Apakah usaha yang dapat dilakukan oleh Pejabat Daerah dan Tanah LMS dalam isu tersebut ?
- c) Adakah pihak Pejabat Daerah dan Tanah LMS akan mencari tempat yang sesuai sekiranya masih ada untuk pembangunan projek PPR atau rumah mampu milik?

**24. YB ENCIK GOH SEE HUA (PASIR PINJI)**

Pelancongan

Apakah persediaan kerajaan Negeri dalam Tahun Melawat Perak 2024?

**25. YB ENCIK MOHAMAD AMIN BIN ROSLAN (PENGKALAN HULU)**

Kompleks ICQS Pengkalan Hulu

- a) Berdasarkan pada petikan berita Awani bertarikh 18 April 2023, Kementerian Dalam Negeri telah menyatakan akan membina bangunan Imigresen, Kastam, Kuaranin, dan Keselamatan (ICQS) Pengkalan Hulu yang baharu. Sejauh manakah kerajaan negeri Perak menyokong perancangan ini dibuat dan apakah perkembangan terkini bagi tujuan pembinaan kompleks yang baharu?
- b) Berapakah jumlah keseluruhan peruntukan bagi tujuan ini dan adakah ianya tertumpu kepada pembinaan kompleks baharu sahaja atau pembangunan bandar sempadan juga?

**26. YB DR. HASHIM BIN BUJANG (BUKIT CHANDAN)**

Kolam Renang Majlis Perbandaran Kuala Kangsar merupakan sebuah kemudahan awam yang terbuka untuk kegunaan awam. Kemudahan ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan di kalangan penduduk tempatan dan juga dikalangan pelancong-pelancong yang berkunjung ke Bandar Kuala Kangsar. Selain untuk kegunaan bersukan, Kolam Renang MPKK ini turut menyediakan kemudahan rekreasi air untuk kanak-kanak dan sesuai menjadi aktiviti berkeluarga. Berdasarkan maklumat yang diperolehi kolam renang ini

pernah dikunjungi seramai hampir 70,000 orang pengunjung pada tahun 2019 dan mendapat kutipan jualan tiket berjumlah RM 174,000.00. Namun amat menyedihkan apabila kemudahan ini telah ditutup sepenuhnya pada penghujung tahun 2021 oleh kerana masalah kerosakan kepada kolam renang utama dan kolam kanak-kanak. Kemudahan ditutup oleh kerana melibatkan keselamatan awam, di mana pernah pengunjung telah tercedera. Ramai pelawat yang hampa apabila mengunjungi kemudahan dan mendapati ianya ditutup terutama pada musim cuti sekolah. Difahamkan permintaan untuk penggunaan kolam renang ini sentiasa ada dikalangan penduduk tempatan, oleh kerana caj tiket adalah rendah dan mampu bagi golongan berpendapatan rendah. Dimaklumkan pihak Pentadbiran yang mengurus kolam renang tersebut iaitu Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK), telah berusaha mendapatkan peruntukan bagi menampung kos pembaikan yang boleh dikatakan ‘Major’ juga oleh kerana faktor alatan yang telah lama iaitu melebih sepuluh tahun. Meliputi penggantian alatan mekanikal seperti pam air, lantai dan lain-lain kemudahan yang terlibat. Sehubungan dengan itu, berdasarkan trend pelancongan semasa, di mana pelancongan domestik yang telah bertambah, adalah dicadangkan supaya kemudahan ini dibangunkan dengan sebaiknya dan disesuaikan dengan peralatan-peralatan yang serba moden dan terkini. Dicadangkan supaya kolam renang ini di naik taraf dan dimodenkan dan ditambah lagi bagi menarik lebih ramai pengunjung ke Bandar Kuala Kangsar. Penambahbaikan dan naik taraf dijangka dapat meningkatkan jumlah pengunjung, dan meningkatkan lagi pendapatan selanjutnya dapat digunakan bagi menampung kos pengurusan kolam renang ini. Apakah cadangan pihak kerajaan dalam membantu menyediakan peruntukan bagi tujuan memastikan kolam renang ini dapat beroperasi semula?. Apakah cadangan jangka panjang dan berapakah kos bagi memodenkan dan memajukan lagi kemudahan ini?

## **27. YB ENCIK MUHAMMAD FAISAL BIN ABDUL RAHMAN (TRONG)**

Apakah status cadangan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa di Bota dan apakah status siasatan SPRM terhadap penjualan tanah ini ? YAB Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad pernah berkata pada bulan April 2022 bahawa tanah itu telah dijual kepada sebuah syarikat swasta semasa pentadbiran kerajaan PH dan ketika pemerintahan Barisan Nasional (BN), ia dirizabkan kepada PKNP bagi tujuan pembinaan lapangan terbang antarabangsa?

**28. YB ENCIK CHOONG SHIN HENG (CHENDERIANG)**

Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Jalan Pahang, Tapah.

- a) Untuk memastikan projek ini berjaya dilaksanakan pada tahun ini. Apakah status terkini Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Jalan Pahang, Tapah?
- b) Dimanakah kawasan-kawasan yang terlibat dengan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Jalan Pahang, Tapah.
- c) Bilakah laporan kajian sumber air yang perlu dilaksanakan oleh pihak UPEN dijangka siap?

**29. YB ENCIK KHALIL BIN YAHAYA (KUBU GAJAH)**

Pengurusan bencana memerlukan penglibatan pelbagai pihak di setiap peringkat. Pada masa kini, semua keperluan bencana adalah bergantung sepenuhnya kepada peruntukan Kerajaan melalui Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) yang diselaraskan oleh NADMA, JPM.

- a. Senaraikan bentuk bencana yang membolehkan permohonan ini diterima dan diluluskan?
- b. Berapakah jumlah maksimum yang akan diperolehi? Misalnya berlaku insiden rumah terbakar membabitkan hampir keseluruhan struktur rumah hangus dimamah api.
- c. Setelah permohonan dibuat, berapa lama tempoh permohonan akan diluluskan?

**30. YB ENCIK AZMAN BIN NOH (PENGKALAN BAHARU)**

Pekan Beruas amat memerlukan sebuah Balai Bomba demi untuk kepentingan rakyat serta pemangkin kepada pembangunan LUMIC yang letaknya di dalam Daerah Manjung. Soalan saya ialah:

Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi mendapat kelulusan pihak Kerajaan Persekutuan untuk membina sebuah Balai Bomba di Pekan Beruas dengan kadar segera?

**31. YB ENCIK CHAW KAM FOON (MENGLEMBU)**

ISU BANJIR.

- a) Sepanjang tempoh 2020-2023 berapakah jumlah peruntukan JPS untuk membersihkan Sungai Kledang?
- b) Berapakah jumlah peruntukan untuk membersihkan dan memperbaiki sungai-sungai di Daerah Kinta?

- c) Adakah projek tebatan banjir telah dilaksanakan di Sungai Kledang? Jika ya, apakah kandungan projek dan jumlah kos projek tersebut?

**32. YB ENCIK SALLEHUDDIN BIN ABDULLAH (SELINSING)**

Isu industri Desa

- a. Jelaskan usahakan kerajaan negeri dalam membangunkan industri desa supaya ianya terus berkembang dan berdaya maju untuk ekonomi tempatan.
- b. Khusus untuk kawasan jelapang padi kerian, jelaskan berapakah jumlah perusahaan industri desa yang telah dibangunkan dan diberi bantuan oleh pihak kerajaan. Mohon disenaraikan jenis industri dan bantuan yang diberikan

**33. YB DATO' SHAHRUL ZAMAN BIN YAHYA (RUNGKU )**

Bagan Datuk telah menjadi sebuah daerah pada 09 Jan 2017, mohon status Majlis Daerah Bagan Datuk?

**34. YB DATO' ZAINOL FADZI BIN PAHARUDIN (SUNGAI MANI )**

Sehingga kini (Musim 2/2023) projek pembinaan sistem pengairan menggunakan longkang konkrit di Mukim Sungai Manik masih belum siap dan mengganggu sistem pengairan, keadaan ini turut menjelaskan penghasilan padi pada setiap musim. Apakah langkah kerajaan dalam memastikan nasib pesawah-pesawah di Sungai Manik terbela?

**35. YB ENCIK MOHAMAD HUSAIRI BIN ARIFFIN (KENERIN )**

Berkaitan, status Tanah Rizab Jalan dan pendirian Kerajaan Negeri, berkenaan Tanah-tanah Rizab Jalan, Sekitar Kawasan DUN Kenering, yang dahulunya jalan raya lama, yang menghubungkan Lenggong-Gerik. Kini, tidak digunakan lagi.

Ini kerana ada rakyat yang telah mendiami rumah yang telah di bina di situ dan ada yang sedang dalam pembinaan di atas rizab jalan ini di beberapa lokasi di atas rizab berkenaan.

Mengambil kira kepentingan-kepentingan rakyat yang masih tidak mempunyai tanah dan rumah sendiri, Adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan Geran

Sementara/TOL atau Geran Hak milik Kepada rakyat yang telah mendiami dan sedang membina rumah di atas tanah rizab jalan tersebut?

**36. YB ENCIK MOHD HAFEZ BIN SABRI (MANJOI)**

MOHD HAFEZ SABRI (Manjoi) mohon Kerajaan Negeri menjelaskan usaha-usaha berkenaan status kawasan tumpuan banjir di dalam DUN Manjoi bagi mengatasi masalah banjir yang berlarutan.

- (a) Adakah kerajaan boleh menjelaskan berkenaan projek tebatan banjir yang hendak dilaksanakan dalam kawasan Manjoi?
- (b) Adakah kerajaan merancang untuk membangunkan kawasan tadahan air di tempat tumpuan banjir di Kg. Seri Klebang?
- (c) Apakah status terkini pembinaan kolam tadahan di kawasan lapang di Jalan Klebang Harmoni 5, Sky Garden, Klebang Restu?

**37. YB PUAN SALINA BINTI SAMSUDIN (BEHRANG)**

Terdapat penambahan penduduk bagi Orang Asli yang berkeluarga sendiri masih menumpang bersama Keluarga Ibu Bapa. Apakah langkah-langkah dan perancangan Kerajaan Negeri dalam usaha untuk menambah jumlah bilangan membina rumah baharu ( PPRT ) bagi masyarakat Orang asli terutama dalam kawasan Dun Behrang?

**38. YB ENCIK MOHD AKMAL BIN KAMARUDIN (SELAMA)**

Apakah status menaiktaraf Daerah Selama sebagai sebuah daerah penuh?